

Mahathir  
sifatkan  
sebagai  
perkara  
biasa

SEREMBAN 24 Feb. —  
Presiden UMNO, Dato'  
Sri Dr. Mahathir Moha-  
mad hari ini menyifatkan  
kesediaan Dato' Musa Hi-  
tam merimbang untuk  
bertanding jawatan Naib  
Presiden UMNO sebagai  
perkara biasa.

Ini kerana, katanya, di  
dalam UMNO seseorang  
itu bebas untuk bertan-  
ding jawatan-jawatan  
yang dibenarkan.

"Siapa nak bertanding  
mereka bolehlah berbuat  
demikian kerana di dalam  
UMNO dibenarkan per-  
tandingan," ujar Perdana  
Menteri ketika diminta  
mengulas kesediaan bekas  
Timbalan Presiden UM-  
NO itu selepas mengada-  
kan perjumpaan tertutup  
dengan pemimpin-pe-  
mimpin UMNO dan Ba-  
risan Nasional Negeri  
Sembilan di sini tengah  
hari ini.

Bagaimanapun Dato'  
Sri Dr. Mahathir menam-  
bah tumpuan parti seka-  
rang ialah untuk mengha-  
dapi pilihanraya yang se-  
makin dekat.

Dato' Musa dalam te-  
muramah khas dengan  
Utusan di New York se-  
malam telah melahirkan  
kesediaan untuk menim-

bang bertanding jawatan  
Naib Presiden UMNO jika  
terdapat bilangan penca-  
lonan yang membayang-  
kan kehendak parti.

Menyentuh mengenai  
lawatannya ke sini hari ini  
beliau memberitahu ia  
adalah salah satu siri la-  
watan ke negeri-negeri  
untuk meninjau persiapan  
oleh BN dan UMNO da-  
lam menghadapi pilihan-  
raya.

"Kita guna peluang ini  
untuk menerangkan ma-  
salah yang dihadapi bagi  
menentukan kemenangan  
BN dengan lebih cemer-  
lang," tegasnya.

Perdana Menteri berka-  
ta selain dari itu lawatan-  
nya juga untuk memberi  
nasihat kepada ahli-ahli  
UMNO supaya mereka ti-  
dak menumpukan per-  
hatian kepada perkara-  
perkara yang tidak mem-  
bina sebaliknya memberi  
perhatian kepada perkara  
yang boleh menjamin ke-  
menangan BN.

Dato' Sri Dr. Mahathir  
memberitahu lawatan ke  
negeri-negeri termasuk  
Sabah dan Sarawak boleh  
dihabiskan dalam masa 14  
hari tetapi oleh kerana be-  
banan kerja maka ia di-  
tanggguhkan sedikit me-  
mandangkan masa untuk  
menghadapi pilihanraya  
masih ada lagi.